

**Tarikh Dibaca: 31 MAC 2023M / 09 RAMADAN 1444H**



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“PUASA MENINGKATKAN KETAKWAAAN  
UMAT ISLAM”***

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## "PUASA MENINGKATKAN KETAKWAAN UMAT ISLAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُم تَتَّقُونَ<sup>1</sup> ١٨٣

أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ

سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ

بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا

تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup> ١٠٢

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita berusaha meningkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan larangan-Nya supaya kita termasuk golongan orang-orang yang beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

<sup>1</sup> al-Baqarah : 183.

<sup>2</sup> ali-Imran: 102.



Khutbah hari ini bertajuk "**PUASA MENINGKATKAN KETAKWAAN UMAT ISLAM.**"

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya konsep puasa, bukan sekadar untuk menahan diri daripada makan dan minum serta segala perkara yang membatkannya, tetapi hendaklah juga mengawasi pancaindera seperti mata, telinga dan lisan serta anggota badan daripada melakukan perkara yang boleh membawa dosa dan maksiat. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الصِّيَامَ لَيْسَ مِنَ الْأَكْلِ وَالشُّرْبِ فَقَطُّ إِنَّمَا  
الصِّيَامُ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ فَإِنْ سَابَكَ أَحَدٌ أَوْ جَهَنَّمَ عَلَيْكَ  
فَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ

*"Puasa itu bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum, tetapi puasa yang sesungguhnya menahan dari daripada perkara yang sia-sia dan keji. Jika seseorang mencaci kamu atau memperbodohkan kamu, maka katakanlah saya sedang berpuasa."*

*(Riwayat Ibnu Hibban).*

Sayugia di bulan yang mulia ini, janganlah ada orang Islam yang sengaja tidak berpuasa tanpa keuzuran syarie, kerana selain suatu dosa, puasa yang ditinggalkan itu juga tidak boleh diganti walaupun seseorang itu berpuasa sepanjang hayat. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:



"Sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadan, tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat mengganti puasa yang ditinggalkanya itu, sekali pun dia berpuasa seumur hidup"

(Riwayat al-Tirmizi).

Oleh kerana itu, hayatilah puasa ini dengan bersungguh-sungguh supaya datang pertolongan Allah SWT, bahawa puasa itu sebagai pendinding, disamping lain-lain kelebihan yang tiada terhingga banyaknya.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Umat Islam hendaklah mengambil kesempatan beribadat sepanjang bulan Ramadan ini untuk mencapai darjah ketakwaan dengan melaksanakan;

#### **Pertama: Solat Sunat Terawih**

Solat sunat Terawih hanya disyariatkan pada bulan Ramadan sahaja. Ia bukan sahaja beroleh pahala tetapi mendapat keberkatan termasuk diampunkan dosa. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ  
مِنْ ذَنْبٍ

"Siapa yang melakukan Qiam (solat Terawih) dalam bulan Ramadan, kerana Iman dan ihtisab (dengan keyakinan mengharapkan pahala daripadanya), nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang lalu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).



Perkataan **قَامَ** dalam hadis ini bererti berdiri, maksudnya melakukan solat, termasuk juga lain-lain bentuk ibadat seperti berzikir, membaca al-Quran, iktikaf dalam masjid dan sebagainya. Sementara ungkapan "akan diampunkan dosa-dosa yang lalu" adalah merujuk kepada dosa-dosa kecil sahaja, kerana dosa-dosa besar hanya dapat diampunkan dengan bertaubat dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

Hal ini menunjukkan bahawa Puasa dan solat terawih, merupakan dua amalan asas pada bulan Ramadan. Amatlah rugi sekiranya kita tidak bersedia melapangkan masa, untuk solat Terawih 20 rakaat seperti yang dilakukan di Masjidilharam Mekah dan Masjid al-Nabawi di Madinah. Solat Terawih hanya dilakukan pada bulan Ramadan sahaja, tidak disunatkan pada bulan-bulan lain. Para sahabat Rasulullah dan orang-orang yang soleh dahulu, mengalirkan air mata apabila berpisah dengan bulan Ramadan, kerana bimbang tidak akan bertemu lagi Ramadan tahun akan datang, atas faktor kesihatan dan usia.

## Kedua: Infaqkan Harta

Bulan Ramadan adalah waktu yang istimewa kepada mereka yang menginfaqkan harta. Infaq yang wajib seperti zakat Fitrah dan yang sunat seperti sedekah dan wakaf. Mengenai kewajipan zakat fitrah, seperti hadis riwayat Ibnu Abbas Radiallahuanhu katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ زَكَاةً الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ  
اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ



"Rasulullah SAW telah memfardukan Zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa, daripada kata-kata dan perbuatan yang keji dan untuk memberi makan golongan miskin."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Bersedekah untuk menjamu orang-orang yang berbuka puasa, ganjarannya amat besar. Ada pun sifat kedekut dan bakhil adalah antara sifat yang membinasakan diri manusia. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hasyr ayat 9:

وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

"...Sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."

### Ketiga: Membaca alquran

Al-Quran diturunkan pada bulan Ramadan dan membacanya adalah ibadah. Al-Quran adalah undang-undang dasar bagi umat Islam. Membacanya adalah ibadah, memikir dan mempelajarinya juga adalah ibadah, dan mengikuti ajarannya adalah wajib. Allah SWT mengurniakan syafaat iaitu kebaikan, rahmat dan keampunan kepada orang-orang yang membaca al-Quran. Hadis daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اقْرِءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ



"Bacalah al-Quran, kerana pada hari kiamat ia akan datang sebagai syafaat kepada pembacanya."

(Riwayat Muslim).

Lebih-lebih lagi, kalau kita dapat bertadarus bulan Ramadan di masjid ataupun dengan keluarga di rumah, bukan sahaja mendapat syafaat tetapi dapat mendidik keluarga kita mendekati al-Quran.

#### **Keempat: Membanyakkan Berdoa**

Biar apa pun amalan yang kita buat, namun kita jangan lupa untuk berdoa. Kerana berdoa pada bulan Ramadan dimakbulkan Allah SWT, lebih-lebih lagi berdoa ketika berbuka puasa. Hadis daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ لِلصَّائِمِ عِنْدَ فِطْرِهِ لَدَعْوَةً مَا تُرِدُ

"Sesungguhnya bagi orang-orang yang berpuasa, ketika dia berbuka, adalah waktu berdoa yang tidak akan ditolak."

(Riwayat Ibnu Majjah).

Menurut Aishah RadhiAllahuAnha, Rasulullah SAW mengajarnya berdoa;

اللَّهُمَّ إِنِّي عَفْوٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاغْفِرْ عَنِّي

"Ya Allah, sesungguhnya engkau yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engku Maha Pengampun, maka ampunilah dosaku."

(Riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan al-Tarmizi).



## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Puasa Ramadan mengandungi bebagai-bagai hikmah, antaranya; dapat menundukkan nafsu dan memecahkan syahwat sama ada pada makan minum dan lainnya. Puasa juga membersihkan hati daripada kekotoran dosa dan bersedia menjadi orang yang bertakwa. Demikian juga, puasa melatih seseorang bersabar, menyempurnakan janji dan memiliki perasaan belas kasihan. Kerana seseorang yang merasa lapar akan ingat bagaimana rasa orang yang mengalami kelaparan. Semoga datanglah perasaan belas kasihan dan bersedia memberi pertolongan kepada yang memerlukan. Puasa juga melembutkan hati. Hati yang lembut akan merasakan nikmatnya bermunajat serta berzikir kepada Allah SWT.

Oleh kerana itu hayatilah puasa itu dengan bersungguh-sungguh supaya datang pertolongan Allah, bahawa puasa itu sebagai pelindung, disamping lain-lain kelebihan yang tiada terhingga banyaknya. Adalah disarankan, supaya kita dapat meningkatkan ilmu dan mengetahui permasalahan mengenai ibadat puasa, supaya puasa kita diterima oleh Allah SWT.

## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati saranan berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa puasa dalam bulan Ramadan adalah perintah yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam.
2. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa ada hukum-hakam yang bersangkut-paut dengan masalah puasa, supaya puasanya menepati hukum syarak.



3. Umat Islam hendaklah istiqamah melaksanakan ibadah di sepanjang Ramadan, dengan berpuasa pada waktu siang dan mengerjakan ibadat sunat pada waktu malam, supaya memperoleh keberkatan bulan yang mulia ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذَا سَأَلَكَ عَبْدِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دُعَوَةَ الدَّاعِ إِذَا  
دَعَانِ فَلَيْسَتِ جِيْبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ

١٨١

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahwasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran."

(al-Baqarah : 186).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاقَتِهِ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةٌ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا ﴿٥﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَائِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَائِتكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سَلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِيْ  
أَمْنِ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةِ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَادَ وَالْمَحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ . ۲۰



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.